

Sejarah Perpustakaan Tun Dr. Ismail Kampus Segamat

1983

Institusi Teknologi MARA

Perpustakaan UiTM Johor mula beroperasi di Taman Bukit Indah/Bukit Siput. Dirasmikan oleh Dato' Abd. Ajib Ahmad (Menteri Besar Johor). Atas keperluan yang kian berganda, lokasi UiTM Cawangan Johor berpindah ke bangunan yang lebih besar dan selesa iaitu di Segamat Baru pada tahun 1985.

1990

UiTM Cawangan Johor

UiTM Cawangan Johor telah tersergam indah di Jalan Universiti Off, KM 12, Jalan Muar, Kemajuan Tanah Jementah Batu Sebelas, 85000 Segamat, Johor di atas tanah kurniaan pemerintah negeri.

2005

Perpustakaan Tun Dr Ismail

Perpustakaan UiTM Johor dengan rasminya telah dinamakan "Perpustakaan Tun Dr. Ismail". Nama ini telah diambil sempena nama Timbalan Perdana Menteri yang ke 2 iaitu Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman. Encik Taufiq bin Tun Dr. Ismail (Anak lelaki Tun Dr. Ismail) telah memberi kebenaran untuk penggunaan nama tersebut.

2012

Perpustakaan Tun Dr Ismail 1

PTDI telah menerima sebuah bangunan baru yang kini dikenali sebagai PTDI 1 dan boleh menempatkan kira-kira 500 orang pada satu-satu masa. Bangunan lama PTDI masih dikekalkan dan dikenali sebagai PTDI 2.

